

21 JAN 2003

Umno-Penggiliran/I

BELUM MASANYA BINCANGKAN MENGENAI PENGGILIRAN, KATA KETUA UMNO SABAH

KOTA KINABALU, 21 Jan (Bernama) -- Pengerusi Perhubungan Umno Sabah Datuk Musa Aman hari ini berkata belum masanya bagi Umno negeri mengadakan mesyuarat untuk membincangkan isu-isu berhubung sistem penggiliran bagi jawatan Ketua Menteri Sabah.

"Tidak ada mesyuarat khas yang dirancang untuk membincangkan isu ini...belum sampai masanya. (Mesyuarat mengenainya) tidak perlu buat masa ini," katanya ketika ditanya sama ada Umno negeri akan bermesyuarat untuk membincangkan isu itu yang sudahpun menjadi tumpuan senario politik Sabah sejak akhir ini.

Musa yang juga Menteri Kewangan Sabah bagaimanapun beliau bersetuju dengan pendapat Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengenai perkara itu.

Abdullah dipetik sebagai berkata bahawa sistem itu akan kekal sehingga semua parti terbabit dapat menghasilkan satu sistem yang lebih baik bagi perkongsian kuasa.

"Jika kita mahu mengubah sistem itu, kita perlu mengemukakan cadangan sistem baru dan mendapatkan pandangan semua pihak terbabit. Kita perlu membincangkan dengan mendalam sebelum membuat perubahan. Sistem yang baru itu juga perlulah lebih baik daripada sistem sedia ada," Abdullah dipetik sebagai berkata dalam laporan sebuah akhbar harian nasional.

Musa berkata said: "Saya bersetuju dengan pandangan Timbalan Perdana Menteri... seperti kata beliau jika ada cadangan baru daripada parti komponen Barisan Nasional, kita akan bincang."

Apa yang penting, katanya, ialah sebarang keputusan mengenai perkara itu adalah untuk kebaikan rakyat dan negeri ini.

Mengikut sistem penggiliran itu, seorang pemimpin dari Umno Sabah akan menggantikan Ketua Menteri sekarang Datuk Chong Kah Kiat apabila tempohnya tamat pada Mac tahun ini.

Terdahulu, Musa mempengerusikan jawatankuasa penganjur utama bagi majlis pecah tanah bangunan Umno Sabah, yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Musa berkata persediaan untuk majlis itu berjalan lancar tetapi tarikhnya belum ditetapkan lagi.

-- BERNAMA

JS NAK